

Pengetahuan Dan Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Fatwa Dan Amalan Sertu Di Malaysia

Knowledge and Understanding of the Muslim Community Regarding Fatwas and the Practice of Sertu in Malaysia

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh ^{a*}, Irwan Mohd Subri ^b, Ahmad Rafiki ^c, Mas Nooraini Haji Mohiddin ^d, Cecep Soleh Kurniawan ^e

^aInstitut Fatwa dan Halal (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

^bFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

^cFakultas Ekonomi dan Bisnis, Universitas Medan Area (UMA), Jalan Gedung PBSI, 20223, Medan, Indonesia

^dPusat Penyelidikan Mazhab Syafii, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei

*Corresponding author: mahyeddin@usim.edu.my

Article history

Received: 2024-09-08

Received in revised form: 2025-06-06

Accepted: 2025-06-10

Published online: 2025-06-30

Abstract

The practice of *sertu* has rapidly developed within the halal industry and is no longer limited to its implementation for religious purposes alone. In fact, the guidelines for *sertu* issued by JAKIM since 2013 have outlined comprehensive procedures for more complex applications of *sertu* in the industry. However, the reality shows that the level of knowledge about *sertu* practices among industry operators and the Muslim community is still less than satisfactory. This article aims to analyze the level of knowledge and understanding of *sertu* practices among the Muslim community in Malaysia and suggest improvements based on this level of knowledge and understanding. This study uses a quantitative approach through an online survey. The study employs a simple sampling method on students and industry practitioners and uses descriptive analysis to analyze the percentage of each item. The study results are summarized into three subcategories: knowledge of *sertu* practices, understanding of consumer practices related to *sertu*, and understanding of the need for improvement in *sertu* practices. Overall, the knowledge of *sertu* practices and consumer practices is still at a moderate level and needs to be improved by enhancing *sertu* practice education within the community, such as offering professional *sertu* certification and innovation in *sertu* equipment.

Keywords: Sertu, Understanding, Fatwa, Practice, Malaysia

Abstrak

Amalan sertu telah berkembang pesat dalam industri halal dan tidak lagi terhad kepada pelaksanaan sertu untuk tujuan ibadah semata-mata. Malah, garis panduan sertu oleh JAKIM sejak 2013 telah menggariskan tatacara yang lengkap bagi pelaksanaan sertu yang lebih kompleks di industri. Bagaimanapun, realiti menunjukkan tahap pengetahuan amalan sertu dalam kalangan pengusaha industri dan masyarakat Islam masih lagi kurang memuaskan. Artikel ini bertujuan menganalisis tahap pengetahuan dan kefahaman terhadap amalan sertu dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia dan mencadangkan penambahbaikan berdasarkan tahap pengetahuan dan kefahaman tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi soal selidik di atas talian. Kajian menggunakan kaedah persampelan mudah ke atas pelajar dan pengamal industri dan menggunakan analisis deskriptif untuk menganalisa peratusan bagi setiap item. Hasil kajian dirumuskan mengikut tiga subkategori melibatkan pengetahuan amalan sertu, kefahaman amalan kepenggunaan berkaitan sertu dan kefahaman keperluan penambahbaikan amalan sertu. Secara keseluruhan, pengetahuan amalan sertu dan amalan kepenggunaan masih di tahap sederhana dan perlu ditambahbaik dengan cara meningkatkan pendidikan amalan sertu di dalam masyarakat, seperti penawaran sijil jurusertu profesional dan inovasi dalam peralatan sertu.

Keywords: Sertu, Kefahaman, Fatwa, Amalan, Malaysia.

1.0 PENGENALAN

Kebersihan (*taharah*) merupakan salah satu aspek yang penting dalam Islam. Kebersihan berkait rapat dengan amal ibadah yang dilakukan oleh umat Islam, sama ada diterima atau ditolak. Penting bagi seluruh umat Islam untuk mengetahui dan memastikan kebersihan dan kesucian diri, tempat, pakaian, peralatan dan sebagainya. Sertu merupakan salah satu cara menyucikan najis mughallazah iaitu dengan cara basuhan sekali dengan air tanah, disusuli enam kali basuhan air mutlak (Al-Khin, Al-Bugha, Al-Syarbaji, 2003).

Di Malaysia, amalan sertu telah berkembang dengan positif dan kini, tidak lagi terhad kepada kaedah pelaksanaan untuk tujuan ibadat sahaja. Perkembangan ini didorong oleh kemajuan industri halal global, yang turut mendorong permintaan untuk perkhidmatan sertu (Mahidin, Othman & Mohd Saifudin, 2016). Terdapat juga keperluan sertu dalam bidang logistik halal khususnya bagi syarikat pengeluar makanan (Majid et al, 2019). Bagi memudahkan pelaksanaan sertu di peringkat industri, garis panduan sertu telah diterbitkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia [JAKIM] pada 2013, merangkumi cara penyediaan bahan sertu, panduan sertu bagi peralatan yang kompleks, pengecualian sertu dan prosedur pelaksanaan sertu di industri. Menerusi garis panduan tersebut, pelbagai kaedah sertu boleh dilakukan di peringkat industri seperti penggunaan kaedah semburan, mengelap, menggunakan vakum dan sabun tanah liat yang boleh disesuaikan dengan keperluan di industri (Salleh, Halim & Abd Aziz, 2020).

Kesedaran amalan sertu dalam kalangan pemilik premis turut dilihat berdasarkan laporan-laporan oleh media massa. Antaranya seperti tindakan syarikat Tesco Bukit Puchong yang menyertu 150 troli disebabkan salah satu troli telah tercemar dengan najis anjing (Hasniza Hussain, 2019). Pada 2017, terdapat laporan mengenai pemilik sebuah premis McDonald di Johor telah menyertu premis mereka setelah sekumpulan remaja membawa masuk anjing peliharaan (“McD Samak Kedai,” 2017). Manakala pada tahun 2018, terdapat laporan mengenai tindakan ahli kariah sebuah masjid yang telah menyertu kawasan masjid dan menggantikan kesemua karpet yang bernilai puluhan ribu ringgit, rentetan daripada kejadian seekor babi hutan berdarah telah memasuki ruangan solat masjid (Hafidzul Hilmi Mohd Noor, 2018). Berdasarkan laporan media ini, jelas menunjukkan isu sertu telah mendapat perhatian sama ada pengusaha industri ataupun masyarakat khususnya apabila melibatkan urusan ibadah.

Dalam konteks industri halal, kerancangan perkembangan industri halal telah mendorong para pengusaha untuk sentiasa peka kepada keperluan persijilan halal termasuk bagi industri bidang makanan, logistik, premis makanan, perubatan, penyembelihan dan pelbagai lagi. Seiring itu, amalan sertu turut berkembang mengikut keperluan industri dan melibatkan kepelbagaian peralatan dan premis seperti kilang, dapur, kontena, kapal, mesin dan sebagainya. Perkembangan ini tidak hanya mendapat perhatian daripada pengusaha industri yang beragama Islam, malahan juga bukan Islam, disebabkan prosedur sertu merupakan salah satu keperluan pensijilan halal sesebuah syarikat (Salleh, Halim & Abd Aziz, 2020).

Kesan daripada perkembangan ini, timbul persoalan sama ada masyarakat benar-benar bersedia dengan pengetahuan dan kefahaman mengenai amalan sertu supaya pelaksanaannya di peringkat industri dapat dilakukan dengan mengikut prosedur yang betul dan telus. Ini kerana, isu integriti dalam amalan sertu antara yang ditekankan dalam bidang logistik halal (Ahmad & Mohd Shariff, 2016). Oleh itu, timbul keperluan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan kefahaman amalan sertu dalam kalangan masyarakat Malaysia supaya penambahbaikan dapat dilakukan, agar amalan sertu di dalam industri halal dapat dilakukan dengan cara yang tepat dan sempurna.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Proses sertu yang ditetapkan oleh syarak sedikit berbeza dengan amalan industri halal kini. Jika melihat kepada saranan Rasulullah SAW, sertu boleh dilakukan menggunakan air tanah, tanpa dikhususkan jenis tanah tertentu. Walaubagaimanapun, terdapat peralatan dan mesin yang sensitif serta mudah rosak jika terkena air tanah. Justeru, keadaan ini memerlukan kepada penetapan spesifikasi dan standard tanah yang bersesuaian.

Schubungan itu, beberapa kajian mengenai spesifikasi tanah untuk proses sertu. Kajian oleh Hashim et al. (2013) memfokuskan kepada penetapan kriteria tanah termasuk daripada sudut pH, kelembapan, kandungan mikrob dan logam toksik tanah. Penetapan kriteria ini boleh meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk halal, sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan industri halal.

Menurut Kassim et al. (2014), proses sertu dalam industri halal tidak boleh lagi berpandukan kaedah tradisional, sebaliknya perlu juga mengambilkira jenis mesin yang sensitif dan mudah rosak jika terdedah kepada bahan pencuci tertentu. Kajian mereka telah menyarankan keperluan mewujudkan garis panduan penggunaan tanah liat untuk tujuan sertu dalam bidang-bidang berkaitan halal, termasuklah sifat kimia tanah, keselamatan dan kandungan toksik.

Selain itu, isu sertu turut berkembang melalui kajian-kajian saintifik seperti kajian oleh Hashim et al (2013), yang memfokuskan kepada aspek kriteria tanah yang digunakan untuk sertu seperti pH, kelembapan, kandungan mikrob dan logam toksik tanah. Manakala dalam kajian Kassim et al (2014), dinyatakan bahawa terdapat keperluan untuk mewujudkan garis panduan penggunaan tanah liat untuk tujuan sertu dengan mengambil kira sifat kimia tanah, keselamatan dan kandungan toksik.

Menerusi kajian oleh Azhari, Rahman & Salleh (2020) didapati tanah liat adalah tanah terbaik kerana mengandungi ion kuprum (*Cu*) yang tinggi mampu menghapuskan protein bakteria. Kajian juga menunjukkan bahawa sabun tanah liat memiliki kemampuan aktiviti antibakteria yang baik dan menghalang pertumbuhan bakteria semula apabila digunakan pada basuhan yang pertama.

Kajian mengenai pelaksanaan sertu industri telah dijalankan oleh Salleh et al. (2020) yang menyatakan wujudnya perbezaan antara amalan sertu Syariah dan industri dalam aspek prosedur dan kaedah, khususnya yang melibatkan mesin dan peralatan yang sensitif terhadap air, serta permukaan yang agak sukar seperti karpet. JAKIM pula telah mewujudkan satu garis panduan khusus mengenai sertu iaitu “Garis panduan Sertu Menurut Perspektif Islam”. Garis panduan ini perlu dirujuk oleh penyedia-penyedia perkhidmatan sertu dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) ketika proses dilakukan.

Beberapa cadangan juga dikemukakan bagi amalan terbaik pelaksanaan sertu dalam industri halal di Malaysia. Dalam hal ini, terdapat lapan cadangan yang diketengahkan iaitu keperluan garis panduan khusus bagi setiap skim halal; prosedur dan pengurusan sertu; peluang kerjaya sebagai jurusertu bertauliah; keperluan penganjuran kursus/latihan sertu; cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan proses sertu; fi pengurusan dan khidmat sertu; pangkalan data penyedia perkhidmatan sertu dan inovasi pelaksanaan sertu (Abd Aziz, Salleh, Ab Halim & Said, 2021).

Meskipun wujudnya garis panduan sertu, namun masih terdapat isu-isu dalam pelaksanaannya di peringkat industri. Antaranya ialah isu pematuhan garis panduan dan fatwa, kefahaman dan pengetahuan, peralatan moden sertu, bahan sertu, penambahan amalan agama, pengurusan garis panduan, dan kepercayaan industri terhadap kompetensi Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam perlaksanaan sertu (Salleh, Halim, Abd Aziz & Said, 2024).

Kajian oleh Yaacob dan Rahman (2023) meninjau bagaimana aplikasi teknologi—sertu membezakan integriti halal dalam pematuhan terhadap Sistem Pengurusan Rantai Bekalan Halal: MS2400. Dapatan kajian ini memberikan panduan kepada penyelidik masa hadapan atau pihak berkepentingan halal serta gambaran umum tentang kesedaran teknologi terhadap integriti halal. Selain itu, pengkaji memfokuskan tentang cara mengoperasikan keperluan MS2400 ke arah kelestarian perniagaan dan menyokong industri halal global. Kesimpulannya, operasi logistik halal bukan sahaja terpakai kepada industri logistik, tetapi juga kepada semua pengilang dan agensi kerajaan bagi menyokong dan memastikan integriti halal dalam operasi logistik halal serta perniagaan halal.

Menurut Abdul Halim et al (2020), walaupun sertu bukanlah sesuatu yang wajib dilakukan, syarikat perlu mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) secara bertulis berkaitan sertu sebagai persediaan sekiranya berlaku ketidakakuran yang perlu kepada proses sertu (jika berkaitan) dan ini digariskan sebagai salah satu keperluan dalam Sistem Jaminan Halal (HAS) dan Sistem Pengurusan Halal Malaysia 2019. Dapatan daripada kajian ini mendapati tiada kerangka perundangan sertu secara khusus buat masa ini dan ini boleh mendatangkan kekeliruan dalam melaksanakan pemantauan secara menyeluruh dalam konteks pensijilan halal. Tatacara dan pihak-pihak yang boleh melaksanakan proses sertu juga perlu diperhalusi supaya tidak menimbulkan konflik kepentingan kepada pihak-pihak yang terlibat. Kajian ini mencadangkan agar pihak berotoriti dalam pensijilan halal dapat menyediakan satu kerangka perundangan sertu yang jelas dan seragam bagi mengelakkan kekeliruan dalam pelaksanaan sertu yang melibatkan pensijilan halal. Selain itu, garis panduan khusus perlu ditambahbaik bagi setiap skim halal kerana keperluan setiap skim adalah berbeza.

Dalam aspek pelaksanaan sertu di peringkat industri farmaseutikal, kajian Rahman et al (2022) mendapati bahawa penyedia perkhidmatan sertu yang berbeza menggunakan pendekatan dan prosedur yang berlainan dalam melaksanakan proses penyucian sertu. Hal ini mungkin disebabkan oleh ketiadaan prosedur komprehensif yang ditetapkan secara khusus untuk industri farmaseutikal yang melibatkan mesin-mesin yang sensitif. Beberapa isu dan cabaran telah dikenal pasti dan boleh diatasi melalui beberapa kaedah. Antaranya menerusi pembangunan garis panduan penyucian sertu yang seragam dan khusus untuk industri farmaseutikal halal.

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa usaha yang telah dilakukan, bagi membantu meningkatkan kefahaman mengenai pelaksanaan sertu di peringkat industri. Antara karya penulisan oleh Farawahida Mohd Yusof et al (2024) mengenai panduan sertu untuk industri. Karya ini menyentuh kepada empat aspek penting, iaitu sertu dari sudut pandang Islam, sertu dari aspek sains, prosedur dalam melaksanakan sertu bagi pihak industri serta isu-isu yang melibatkan sertu dalam industri halal.

Selain itu, terdapat juga modul sertu profesional seperti dihasilkan oleh Mohd Salleh, Ab Rahman dan Ab Rahman (2024). Modul ini merupakan bahan rujukan penting kepada para operator sertu, pihak autoriti serta para pemain industri halal, bertujuan meningkatkan kompetensi juru sertu dalam aspek hukum syariah, amalan industri dan sains.

3.0 METODOLOGI

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah kajian kuantitatif yang menggunakan teknik soal selidik secara atas talian. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan mudah. Pengkaji telah

mengedarkan soal selidik kepada populasi tertentu seperti pelajar universiti dan pekerja di dalam industri yang mudah didapati.

3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian ini tidak terhad kepada kriteria tertentu. Soal selidik bebas dijawab oleh individu daripada pelbagai kategori mengikut demografi yang ditetapkan dalam kajian. Soal selidik ini telah diedarkan secara atas talian melalui medium media sosial yang pelbagai seperti facebook, whatsapp, dan pelbagai lagi.

3.3 Instrumen Kajian

Kajian ini telah menggunakan soal selidik yang telah dibina hasil perbincangan beberapa pakar di dalam bidang fatwa dan halal di Malaysia. Soal selidik yang dibina terdiri daripada 20 soalan berskala likert 1 – 5 dimana nilai yang tinggi menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi. Soal selidik ini merangkumi 3 subkategori pengetahuan dan kefahaman mengenai sertu. Kategori 1 adalah pengetahuan amalan sertu sama ada dari sudut definisi, tatacara asas sertu, dan tatacara sertu di dalam industri (soalan 1-9). Kategori 2 adalah kefahaman amalan kepenggunaan berkaitan sertu di dalam industri (soalan 10-15), manakala yang kategori 3 adalah soalan tentang kefahaman mengenai keperluan penambaan amalan sertu di Malaysia (soalan 16-20).

3.4 Analisis Data

Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21.0. Ujian normaliti telah dijalankan ke atas data bagi memastikan data bertaburan secara normal. Analisis diskriptif digunakan untuk menganalisis maklumat demografi seperti jantina, umur, kawasan tempat tinggal, sektor pekerjaan dan tahap pendidikan. Dalam masa yang sama, nilai peratus, min dan sisihan piawai bagi semua item juga telah direkodkan bagi menganalisis pengetahuan dan kefahaman amalan sertu mengikut subkategori.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 412 soal selidik telah dikumpulkan sepanjang kajian dijalankan namun hanya 411 diterima kerana 1 soal selidik diisi oleh responden daripada negara Brunei. Maklumat demografi responden seperti yang tertera pada Jadual 1.

Jadual 1: Taburan Demografi Responden

N = 411		Frekuensi	Peratus
JANTINA	Lelaki	169	41.1
	Wanita	242	58.9
UMUR	Bawah 20 Tahun	99	24.1
	21 – 30 Tahun	273	66.4
	31 – 40 Tahun	22	5.4
	41 – 50 Tahun	14	3.4
	51 Tahun ke atas	3	0.7
KAWASAN TEMPAT TINGGAL	Bandar	226	55.0
	Luar Bandar	170	41.4
	Lain - lain	15	3.6

STATUS PEKERJAAN	Pelajar	331	80.5
	Sektor Kerajaan	28	6.8
	Sektor Swasta	40	9.7
	Bekerja Sendiri	2	0.5
	Tidak Bekerja / Lain - lain	10	2.4
TAHAP PENDIDIKAN	SRP / PMR	1	0.2
	SPM	48	11.7
	STPM / STAM / Diploma	86	20.9
	Ijazah Sarjana Muda	247	60.1
	Sarjana	17	4.1
	Doktor Falsafah	7	1.7
	Lain - Lain	5	1.2

Berdasarkan keputusan analisis tahap pengetahuan dan kefahaman mengenai amalan sertu di Malaysia (Jadual 2 dan Jadual 3), skor minimum bagi keseluruhan soal selidik adalah 60.0 manakala skor maksimum adalah 95.0. Skor min bagi keseluruhan soal selidik adalah ($M = 75.56$, $SP = 6.671$). Ini menunjukkan purata responden mempunyai tahap kefahaman dan pengetahuan yang tinggi.

Jadual 2: Skor Min Tahap Pengetahuan dan Kefahaman Amalan Sertu di Malaysia

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Tahap Pengetahuan dan Kefahaman amalan sertu di Malaysia	411	60.00	95.00	75.56	6.671

Jadual 3: Analisis Tahap Pengetahuan dan Kefahaman Amalan Sertu di Malaysia

		Frekuensi (N=411)	Peratus (%)
Tahap Pengetahuan dan Kefahaman Amalan Sertu di Malaysia	Sangat Tinggi	45	10.9
	Tinggi	313	76.2
	Sederhana	53	12.9
	Rendah	0	0
	Sangat Rendah	0	0

Analisis bagi setiap ítem di dalam soal selidik dilakukan bagi mengenalpasti isu yang timbul secara spesifik terhadap pengetahuan dan kefahaman masyarakat Malaysia kepada amalan sertu. Keseluruhan 20 item soal selidik dibahagikan kepada 3 subkategori iaitu soalan 1 hingga 9 merujuk kepada pengetahuan amalan sertu (Jadual 4), soalan 10 hingga 15 merujuk kepada kefahaman amalan kepenggunaan berkaitan sertu (Jadual 5), manakala soalan 16 hingga 20 adalah kefahaman

mengenai keperluan penambakaan amalan sertu (Jadual 6). Analisis deskriptif dilakukan bagi setiap item mengikut subkategori.

Jadual 4: Pengetahuan Amalan Sertu

Item	Sangat Bersetuju	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju	Sangat Tidak Bersetuju
1. Saya mengetahui tentang pengertian sertu.	40.9 %	53.0 %	3.6 %	1.2 %	1.2 %
2. Samak dan sertu adalah sama maksudnya iaitu merujuk kepada penyucian najis mughallazah.	23.6 %	33.6 %	5.4 %	17.3 %	20.2 %
3. Sertu ialah perbuatan menyucikan najis mughallazah dengan cara 7 kali basuhan, salah satu basuhan menggunakan air tanah.	60.6 %	34.1 %	3.6 %	1.2 %	0.5 %
4. Saya mengetahui cara-cara melaksanakan sertu apabila berlaku pencemaran najis mughallazah yang melibatkan diri/peralatan/premis milik saya.	34.1 %	48.9 %	13.4 %	3.4 %	0.2 %
5. Saya mengetahui mengenai syarat-syarat bahan yang boleh digunakan untuk sertu.	34.8 %	48.2 %	15.1 %	1.9 %	0 %
6. Sertu tidak boleh dilakukan dengan bahan selain daripada debu tanah, seperti menggunakan sabun sertu atau cecair pencuci sertu.	14.8 %	23.6 %	19.7 %	23.1 %	18.7 %
7. Sertu boleh dilakukan oleh non-Muslim	12.4 %	21.9 %	35.0 %	13.9 %	16.8 %
8. Selain basuhan mengikut kaedah biasa, sertu juga boleh dilakukan secara kaedah lap atau semburan (spray).	28.0 %	25.1 %	32.8 %	10.0 %	4.1 %
9. Bagi mesin yang sensitif dengan air ataupun rumit, ketika itu sertu tidak perlu dilakukan.	6.6 %	13.4 %	40.9 %	22.6 %	16.5 %

Berdasarkan Jadual 4, analisis diskriptif ítem 1 menunjukkan sejumlah 93.9% responden mengetahui pengertian sertu namun hanya 37.5% responden yang dapat mengenalpasti perbezaan samak dan sertu daripada sudut pendefinisian secara umum berdasarkan ítem 2, manakala 57.2% tidak mengetahui perbezaan samak dan sertu, dan 5.4% responden tidak pasti. Jika dilihat pada ítem 3, 94.7% responden mengetahui pengertian sertu secara istilah. Analisis bagi ítem 4 juga menunjukkan 83.0% responden mengetahui cara melakukan sertu dan ítem 5 menunjukkan 83.0% mengetahui mengenai syarat-syarat bahan yang boleh digunakan untuk sertu. Namun jika dilihat pada item 6, 38.4% responden bersetuju bahawa sertu tidak boleh dilakukan dengan bahan selain debu tanah manakala 41.8% mengetahui bahawa sertu boleh menggunakan bahan selain debu tanah dan 19.7% yang lainnya tidak pasti. Item 7 pula menunjukkan majoriti 35% responden tidak pasti sama ada sertu boleh dilakukan oleh non-Muslim ataupun tidak manakala 34.3% bersetuju sertu boleh dilakukan oleh non-Muslim dan 30.7% tidak bersetuju. Item 7 dan 8 menunjukkan majoriti responden tidak pasti mengenai tatacara amalan sertu jika melibatkan kaedah lain seperti lap atau semburan, dan peralatan industri.

Jadual 5: Kefahaman Amalan Kepenggunaan Berkaitan Sertu

Item	Sangat Bersetuju	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju	Sangat Tidak Bersetuju
10. Saya akan memboikot produk/premis jika berlaku kes pencemaran dengan najis mughallazah.	53.0 %	31.4 %	6.8 %	5.6 %	3.2 %
11. Saya akan mempertimbangkan untuk membeli semula produk yang pernah tercemar dengan najis mughallazah, sekiranya pihak syarikat telah melaksanakan proses sertu dengan sempurna.	28.5 %	40.6 %	15.8 %	9.7 %	5.4 %
12. Saya mengetahui adanya garis panduan sertu yang disediakan oleh pihak berkuasa agama di negara saya.	46.5 %	41.6 %	10.9 %	1.0 %	0 %
13. Saya menyedari tentang isu-isu pencemaran najis mughallazah dalam produk makanan/ gunaan yang berlaku di negara saya.	30.7 %	51.1 %	16.3 %	1.7 %	0.2 %
14. Saya pernah berhadapan dengan situasi yang memerlukan sertu dilaksanakan.	27.0 %	29.7 %	11.4 %	23.4 %	8.5 %
15. Saya secara peribadi pernah melakukan sertu.	24.3 %	26.3 %	7.3 %	26.5 %	15.6 %

Hasil analisis bagi item subkategori kedua (Jadual 5), item 10 menunjukkan 84.4% bersetuju akan memboikot produk/premis jika terlibat dengan pencemaran najis mughallazah dan 69.1% bersetuju untuk mempertimbangkan semula untuk membeli produk yang pernah tercemar jika proses sertu telah dilaksanakan berdasarkan item 11. Item 12 menunjukkan majoriti 88.1% mengetahui adanya garis panduan sertu yang disediakan pihak berkuasa agama, manakala 81.8% menyatakan mereka mengetahui tentang isu-isu pencemaran najis mughallazah dalam produk makanan/barang gunaan berdasarkan item 13. Item 14 dan 15 menunjukkan lebih 50% responden pernah berhadapan dengan situasi yang memerlukan sertu dilaksanakan (56.7%) dan pernah melakukan sertu secara peribadi (50.6%).

Jadual 6: Kefahaman Mengenai Keperluan Penambakan Amalan Sertu

Item	Sangat Bersetuju	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju	Sangat Tidak Bersetuju
16. Saya meyakini kerangka perundangan/ standard sedia ada tidak mencukupi untuk menangani kes pencemaran najis mughallazah di negara saya.	9.5 %	29.9 %	38.0 %	14.1 %	8.5 %
17. Saya berpandangan perlu diadakan sijil jurusertu professional bagi melahirkan jurusertu yang kompeten	59.1 %	31.4 %	6.8 %	1.9 %	0.7 %
18. Saya meyakini bahawa pelaksanaan sertu perlu kepada inovasi dari sudut peralatan-peralatan yang digunakan.	47.7 %	42.6 %	7.5 %	1.7 %	0.5 %

19. Saya berpandangan bahawa fatwa mengenai sertu yang diputuskan oleh pihak berkuasa agama tidak sampai kepada masyarakat	17.8 %	38.0 %	21.2 %	18.7 %	4.4 %
20. Saya berpandangan ilmu sertu patut diajar di masjid/surau/media sosial bagi memastikan masyarakat awam mengetahuinya.	17.8 %	38.0 %	21.2 %	18.7 %	4.4 %

Jadual 6 menunjukkan analisis bagi ítem di dalam subkategori ketiga. Item 16 menunjukkan majoriti 38% responden tidak pasti sama ada kerangka perundangan / standard sedia ada mencukupi untuk menangani kes pencemaran najis mughallazah di Malaysia. Namun majoriti responden bersetuju dengan cadangan penambaihan seperti perlu diadakan sijil jurusertu professional (90.5%) dan keperluan inovasi bagi peralatan sertu (90.3%). Item 19 menunjukkan 55.8% bersetuju bahawa fatwa mengenai sertu tidak sampai kepada masyarakat dan 55.8% berpandangan ilmu sertu perlu diajar kepada masyarakat awam melalui masjid/surau dan media sosial.

5.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Sertu merupakan amalan yang berbentuk *ta'abudiy* iaitu merujuk kepada hukum yang tidak dapat dikesan atau difahami rasionaliti di sebalik pensyariatannya (Chik & Ali, 2015). Dalam erti kata lain, *ta'abbudiy* bermaksud pemahaman keagamaan yang harus diikuti tanpa perlu mempersoalkan alasan di sebalik sebuah perintah syariah agama. Sebagai contoh jumlah rakaat solat, anggota wuduk, amalan-amalan tertentu dalam ibadat haji dan lain-lain (Basir & Fitriyani, 2022). Oleh itu, pelaksanaan sertu yang sempurna memerlukan pengetahuan asas yang jitu, kefahaman yang mantap serta kemahiran dalam pelaksanaan sama ada pada situasi yang mudah atau rumit.

Berdasarkan hasil kajian, dapat dirumuskan bahawa terdapat kelompangan pada aspek paling asas iaitu pengetahuan amalan sertu. Ramai individu beragama Islam merasakan mereka mempunyai pengetahuan yang baik kerana telah diberikan pendedahan awal di peringkat awal persekolahan, namun tidak menyedari kekurangan fakta asas seperti perbezaan istilah samak dan sertu, serta mengetahui sertu hanya boleh dilakukan menggunakan satu bahan sahaja iaitu debu tanah. Selain itu, hasil dapatan menunjukkan ramai yang tidak mengetahui tatacara pelaksanaan sertu jika melibatkan peralatan industri. Perkara ini memiliki hubungan rapat dengan tahap pengetahuan responden yang rendah tentang skim-skim pensijilan halal terkini yang terdapat di industri. Seperti ditegaskan oleh Salleh, Halim & Abd Aziz (2020), pelaksanaan sertu kini bukan lagi untuk memenuhi keperluan dalam konteks ibadat semata-mata, bahkan melangkaui dalam konteks yang lebih luas iaitu di industri.

Selain itu, dapat dirumuskan juga bahawa pelaksanaan sertu pada premis atau produk yang telah tercemar tidak dapat meyakinkan pengguna sepenuhnya. Ini melibatkan soal kefahaman dan keyakinan umat Islam terhadap keberkesanan pelaksanaan sertu oleh operator sertu, walaupun telah terdapat garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak autoriti agama. Kebanyakan responden juga boleh dikatakan tidak menyedari wujudnya garis panduan sertu ini. Terdapat beberapa sebab terhadap perkara ini, antaranya garis panduan yang diwujudkan bermatlamat untuk memandu pelaksanaan sertu di peringkat industri, dan tiada keperluan bagi masyarakat umum mengetahuinya. Proses sertu juga biasanya akan dilakukan oleh operator sertu yang diiktiraf, dengan pemantauan

rapi oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) (Abd Halim et al, 2020). Bagi mengatasi isu ini, dicadangkan agar garis panduan ini dimasukkan dalam portal pihak berautoriti supaya akses yang lebih meluas dapat diberikan kepada masyarakat.

Aspek pengukuhan kompetensi juru sertu dan inovasi peralatan sertu juga merupakan isu yang menarik untuk dibincangkan dengan lebih mendalam. Ini kerana, majoriti responden bersetuju dengan cadangan penambahbaikan seperti perlu diadakan sijil jurusertu professional dan keperluan inovasi bagi peralatan sertu. Bagi memastikan perkara ini menjadi realiti, pembabitan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) adalah penting sebagai pusat latihan juru sertu profesional. Manakala peralatan sertu juga boleh diinovasikan dengan kerjasama antara pusat pengajian T-VET, vokasional mahupun pihak industri, supaya dapat memenuhi keperluan teknikal di industri.

Hasil kajian juga menunjukkan keperluan untuk pendidikan amalan sertu giat dijalankan kepada masyarakat dan industri. Ini bagi membolehkan amalan sertu dilakukan dengan telus, bukan sahaja oleh pihak autoriti dan operator sertu, malah individu yang diyakini keilmuan agamanya oleh masyarakat (seperti imam, ilmuan agama terlatih) juga boleh menjadi penilai kepada pelaksanaan sertu di dalam industri. Pendidikan dalam aspek fatwa dan garis panduan sertu juga amat penting supaya pelaksanaan sertu dapat dijalankan dengan lancar dan mengikuti panduan asas yang telah ditetapkan oleh syarak. Berdasarkan hasil kajian, kemungkinan peratus agak rendah kerana responden yang berada dalam lingkungan umur 20 tahun ke bawah masih tidak dapat untuk mengaitkan kepentingan sertu dalam industri. Faktor umur dan pengetahuan mungkin menyebabkan peratus itu rendah.

6.0 KESIMPULAN

Secara umum, kajian ini telah dicerakinkan kepada tiga subkategori melibatkan pengetahuan amalan sertu, kefahaman amalan kepenggunaan berkaitan sertu dan kefahaman keperluan penambahbaikan amalan sertu. Secara keseluruhan, pengetahuan amalan sertu dan amalan kepenggunaan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia masih di tahap sederhana dan perlu ditambahbaik dengan cara meningkatkan pendidikan amalan sertu di dalam masyarakat. Manakala bagi menambahbaik amalan sertu, pendidikan berterusan kepada masyarakat adalah penting dan boleh dilakukan menerusi pelbagai kaedah seperti penawaran sijil jurusertu profesional, inovasi peralatan sertu, mahupun pendedahan terhadap fatwa dalam isu-isu berkaitan sertu dan najis mughallazah.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian hasil kajian di bawah tajuk “Fatwa dan Amalan Sertu di Malaysia, Indonesia dan Brunei” yang dibiayai oleh Geran Penyelidikan USIM, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM di bawah kod penyelidikan: (USIM/MG/UMA-UNISSA/IFFAH/SEPADAN-A/74923).

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini

Senarai Rujukan

- Abd Aziz, S., Salleh, M. M. M., Ab Halim, M. A., & Said, H. N. A. M. (2021). Amalan Terbaik Pelaksanaan Sertu dalam Industri Halal di Malaysia: Best Practices of Islamic Cleansing (Sertu) Implementation in the Malaysian Halal Industry. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29-52.
- Abdul Halim, M. 'Afifi ., Abd Aziz, S., Mohd Salleh, M. M., & Md Said, H. N. A. (2020). Kerangka Perundangan Sertu Dalam Industri Halal Di Malaysia: The Legal Framework Of Sertu For Halal Industry In Malaysia. *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 554–565. Diakses daripada: <https://insla.usim.edu.my/index.php/eproceeding/article/view/68>
- Ahmad, N., & Shariff, S. M. (2016). Challenges on sertu cleansing in halal logistics. *Journal of Applied Enviromental and Biological Sciences*, 6(11), 31-69.
- Ahmad, N., Zahari, W. A. M. W., Zainol, N. Z. N., Mustapha, A. S., Pakir, F., & Hussin, A. (2023). Konsep Samak dan Sertu: Satu Perbandingan Menurut Perspektif Islam: The Concept of Samak and Sertu: A Comparison According to Islamic Perspective. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 4(2), 8-18.
- Al-Khin-Mustafa, Al-Bugha-Mustafa, Al-Syarbaji-Ali (2003). *Al-Fiqh al-Manhaji ala Mazhab al-Imam al-Syafi'iy*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Azhari, S., Rahman, A. A., & Salleh, M. M. M. (2020). Antibacterial Activity of Soil Water And Soap Water During Sertu Process. In *International Seminar on Islam And Science Proceedings*. 33-47.
- Basir, A., & Fitriyani, F. (2022). Hukum Islam: Dialektika Konsep Ta'abbudi dan Ta'aqquli . *Jurnal Ilmiah AL-Jauhari: Jurnal Studi Islam Dan Interdisipliner*, 7(1), 27–38. DOI: <https://doi.org/10.30603/jiaj.v7i1.2546>
- Chik, W. M. Y. W., & Ali, A. K. (2015). Konsep al-Taâ€™Ä budiyyah dan Kepentingannya dalam Hukum Islam Semasa. *Jurnal Usuluddin*, 41, 1-20.
- Farawahida Mohd Yusof, Harisun Yaakub, Nor Azwa Omar Jamli & Fadillah Ismail (2024). *Sertu: Panduan untuk Industri*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Hafidzul Hilmi Mohd Noor (2018, Mac 7). “Ahli kariah samak Masjid Sungai Plong”. *BH Online*. Diakses pada 5 November 2024, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/03/396694/ahli-kariah-samak-masjid-sungai-plong>.
- Hashim, P., Kassim, N., Hashim, D. M., & Jol, H. (2013). Study on the Requirement of Clay for Islamic Cleansing in Halal Food Industry. *Turkish Online Journal of Science & Technology*, 3(3), 197-204.
- Hasniza Hussain (2019, Mac 20). “150 troli pasar raya disertu”. *Sinar Harian*. Diakses pada 10 Oktober 2024 daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/19182/edisi/selangor-kl/150-troli-pasar-raya-disertu>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia [JAKIM]. (2013). Garispanduan Sertu Menurut Perspektif Islam. JAKIM: Kuala Lumpur.
- Kassim, N., Hashim, P., Hashim, D. M., & Jol, H. (2014). New Approach of Samak Clay Usage for Halal Industry Requirement. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 121, 186-192.
- Mahidin, N., Othman, S. N., & Mohd Saifudin, A. (2016). A preliminary study of halal logistics issues among food manufacturing companies. *Journal of Technology and Operations Management*, 11(1), 18-25.
- Majid, Z. A., Kamarulzaman, N. H., Rahman, A. A., Jaafar, H. S., Rahman, N. A. A., & Mohammad, M. F. (2019). Halal integrity from logistics service provider perspective. *International Journal of Supply Chain Management (IJSCM)*, 8(5), 1-9.
- McD samak kedai lepas pelanggan bawa anjing. (2017, May 30). Malaysia Kini. Diakses pada 6 Oktober 2024 daripada <https://www.malaysiakini.com/news/383957>

- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Mohamad Firdaus Ab Rahman & Azman Ab Rahman (2024). *Modul Juru Sertu Profesional*. Nilai: Penerbit USIM.
- Rahman, S. A., Azhar, A. A. S., Majeed, A. B., & Nizaruddin, M. A. (2022). Qualitative study on processes, issues and challenges in implementation of islamic obligatory cleansing (Sertu) in halal pharmaceutical industry. *International journal of health sciences*, 6(S7), 4991-5009.
- Salleh, M. M. M., Halim, M. A. A., & Abd Aziz, S. (2020). Implementation Of Islamic Cleansing (Sertu) In The Halal Industry: Perlaksanaan Sertu Kontemporari Dalam Industri Halal. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 18(1), 1-9.
- Salleh, M. M. M., Halim, M. A. A., Abd Aziz, S., & Said, H. N. A. M. (2024). Issues In the Implementation Of Industrial Sertu In Malaysia: Isu-Isu Dalam Perlaksanaan Sertu Industri Di Malaysia. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(2), 28-41.
- Yaacob, M. Z., & Rahman, N. A. A. (2023). Halal Technology in Shariah Cleansing: Multiple Cases of Sertu Application. In *Technologies and Trends in the Halal Industry*. 139-148. Routledge.